

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 27 JANUARI 2017 (JUMAAT)

Penyertaan pelbagai pihak penting

MBSA komited jaya bandar rendah karbon 2030

ZOLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) komited merealisasikan matlamat menjadikan bandar raya itu sebagai bandar rendah karbon, menjelang 2030.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, penyertaan pelbagai pihak terdiri daripada wakil agensi jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, perunding, pemaju dan warga kerja MBSA penting dalam perkongsian idea dalam merangka perancangan berkenaan.

"Perancangan menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya rendah karbon dijalankan dalam tiga fasa iaitu fasa pertama mulai 2015 hingga 2020 diikuti fasa kedua (2020-2025) dan fasa ketiga (2025-2030)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis perasmian Bengkel Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon

Shah Alam 2017, pada 19 Januari lalu.

"Bengkel ini bertujuan membuat satu rangka kerja untuk melaksanakan Shah Alam sebagai bandar raya rendah karbon, menjelang 2030.

"Kali ini, kita menjemput sendiri pemaju dan perunding bagi mengemukakan idea serta cadangan khususnya kepada pemaju yang akan melaksanakan pembangunan sekitar kawasan MBSA," katanya.

Beliau berkata, antara pihak pemaju yang terbabit dalam bengkel itu ialah Sime Darby Bhd,

Kwasa Land Sdn Bhd, Bandar Setia Alam Sdn Bhd, GreenTech Malaysia (perunding), Darul Ehsan Medical Centre (hospital) selain kakitangan MBSA.

"Segala dibentangkan dalam bengkel ini akan diteliti untuk kita gariskan satu pelan tindakan berkenaan apa yang akan dilaksanakan di kawasan sekitar Shah Alam termasuk tujuh kawasan pusat bandar utama yang dipilih.

"Secara keseluruhan, kita mengharapkan supaya pengisian program dijalankan akan dapat menghasilkan matlamat kepada tujuan ditetapkan," katanya.